

10 FEB 2001

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN IRAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI20REVOLUSI

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Yang Di-pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran Seyed Mohammad Khatami sempena ulang tahun ke-22 Hari Revolusi republik itu.

Dalam perutusan itu, Seri Paduka yakin bahawa hubungan erat yang terjalin antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan lagi demi faedah bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang sama kepada Khatami.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Dr Kamal Kharazi.

-- BERNAMA
AKT AKT FAZ